



# DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

## ATURAN URUSAN MESYUARAT

PERSIDANGAN HARI KETIGA  
MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL KELIMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KELAPAN BELAS  
RABU, 11 NOVEMBER 2020 BERSAMAAN 25 RABI'ULAWAL 1442H  
JAM 9.00 PAGI

1. **Bacaan Doa**
2. **Pemasyhuran oleh Tuan Speaker**
3. **Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawapan-Jawapan Lisan**

**(147) YB DATO' MURSHID DIRAJA DR JUANDA BIN JAYA (N.44 JEMORENG)**

**Bertanya kepada Ketua Menteri**

- (a) Apakah status terkini rundingan MA63 dengan Kerajaan Pusat?
- (b) Apakah *way forward* dan bilakah rundingan ini akan berakhir dengan pelaksanaan hasil tuntutan Sarawak itu?

**(148) YB DATUK HAJI ABDUL WAHAB BIN AZIZ (N.38 KALAKA)**

**Bertanya kepada Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli**

Bilakah lot-lot tanah untuk rumah kampung akan diagihkan di kawasan Pagan Saratok? Difahamkan ada 500 lot sudah dirancang tapi setakat ini tidak ada tindakan yang diambil oleh Jabatan berkaitan untuk mengagihkan lot-lot tersebut.

**(149) YB ENCIK MOHAMAD CHEE BIN KADIR (N.40 KABONG)**

**Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah**

Berapakah jumlah peruntukan yang diberi kepada pekebun-pekebun kecil kelapa sawit dalam DUN Kabong untuk membina/ membaiki pulih jalan-jalan kebun mereka yang kerap kali mengalami kerosakan mengakibatkan buah-buah kelapa sawit tidak dapat diangkut keluar untuk dijual.

**(150) YB IR LO KHERE CHIANG (N.13 BATU KITANG)**

**To ask the Minister for Infrastructure and Port Development**

What is the progress of the proposed access road from RPR Landeh towards Jalan Stephen Yong at Kampung Bumbok?

- (151) **YB ENCIK RIPIN BIN LAMAT (N.72 LAMBIR)**  
**Bertanya kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak**  
Apakah usaha dan inisiatif yang dibuat oleh Kerajaan untuk membantu usahawan kecil dan sederhana semasa pandemik COVID-19?
- (152) **YB DATO HAJI IDRIS BIN HAJI BUANG (N.16 MUARA TUANG)**  
**Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan**  
Adakah Kerajaan dapat membantu menubuhkan satu pusat dialisis di Muara Tuang kerana jumlah pesakit kronik buah pinggang semakin meningkat dan kos untuk mendapatkan khidmat rawatan luar begitu tinggi dan kebanyakan mereka tidak mampu kerana fasiliti dan kemudahan di hospital terlalu penuh dan terhad?
- (153) **YB ENCIK JOHN ANAK ILUS (N.23 BUKIT SEMUJA)**  
**Bertanya kepada Menteri Utiliti**  
Apakah perancangan Kerajaan Negeri Sarawak untuk mempercepatkan menangani permasalahan bekalan elektrik untuk rumah-rumah yang baru bagi kawasan yang sudah ada sambungan melalui Grid? Penambahan rumah/pembinaan rumah baru sentiasa bertambah dan permohonan untuk bekalan elektrik juga meningkat dari tahun ke tahun?
- (154) **YB ENCIK CHUKPAI UGON (N.66 MURUM)**  
**Bertanya kepada Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak**  
Adakah Kerajaan akan meneruskan bantuan makanan kepada penduduk di Skim Penempatan Semula Murum?
- (155) **YB ENCIK DAVID WONG KEE WOAN (N.54 PELAWAN)**  
**To ask the Minister for Tourism, Arts and Culture**  
What is the outlook of the tourism sector for 2021 and what measures would the Ministry take to assist the tourism sector in Sarawak?
- (156) **YB ENCIK ABDUL YAKUB BIN HAJI ARBI (N.58 Balingian)**  
**Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan**  
Adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk membina Rumah Mampu Milik di Balingian?  
(a) Jika ada, apakah jenis dan harga semasa Rumah Mampu Milik yang ditawarkan?  
(b) Apakah syarat-syarat yang dikenakan bagi melayakkan seseorang itu memohon Rumah Mampu Milik?
- (157) **YB ENCIK MOHAMMAD RAZI BIN SITAM (N.35 SARIBAS)**  
**Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan**  
Apakah status kerja-kerja menaiktaraf projek jalan berikut:  
(a) Projek Jalan Kg Buda, Spaoh  
(b) Projek Jalan Kg Medang, Spaoh  
(c) Projek Jalan Blassau Dit  
(d) Projek Jalan Paya Bakong Debak

- (158) **YB ENCIK FAZZRUDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN (N.6 TUPONG)**  
**Bertanya kepada Ketua Menteri**  
Setakat ini adakah Kementerian mempunyai program bagi pelajar sekolah tahfiz persendirian untuk menduduki SPM dan apakah jenis kerjasama dan bantuan kepada sekolah-sekolah tahfiz ini?
- (159) **YB ENCIK PAULUS PALU GUMBANG (N.80 BATU DANAU)**  
**Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi**  
Bilakah kerja-kerja pembinaan satu blok bilik darjah di SK Long Napir yang mengguna pakai sistem IBS akan dijangka siap?
- (160) **YB DATO HENRY HARRY ANAK JINEP (N.2 TASIK BIRU)**  
**To ask the Minister for Local Government and Housing**  
What is the status on the Government's plan for the relocation of the present landfill in Bau which is located at Kampung Skiat Lama?
- (161) **YB ENCIK ALEXANDER ANAK VINCENT (N.49 NGEMAH)**  
**To ask the Minister for Modernisation of Agriculture, Native Land and Regional Development**  
Whether the State Government has any concrete plan to assist the people in the RASCOM Resettlement Scheme namely Nanga Jagau, Nanga Ngungun and Nanga Tada with commercial crops, such as rubber or oil palm, using land already acquired and compensated
- (162) **YB ENCIK YUSSIBNOSH BALO (N.57 TELLIAN)**  
**Bertanya kepada Menteri Utiliti**  
Apakah perancangan Kementerian terhadap bekalan air terawat di kawasan rumah panjang di Jalan Ulu Sikat/Sebakong Mukah?
- (163) **YB DATIN PATINGGI DATUK AMAR HAJAH JAMILAH BINTI HAJI ANU (N.3 TANJUNG DATU)**  
**Bertanya kepada Ketua Menteri**  
Sejauh manakah perkembangan pembangunan CIQ di Telok Melano?
- (164) **YB DATUK DING KUONG HIING (N.46 MERADONG)**  
**To ask the Minister for Education, Science and Technological Research**  
How many dilapidated schools are there in Meradong District and what is the latest status on the proposed reconstruction and improvement programmes of the said schools?
- (165) **YB ENCIK ALLAN SIDEN GRAMONG (N.50 MACHAN)**  
**To ask the Minister for Infrastructure and Port Development**  
When will these roads be constructed?  
(a) Ulu Poi Road (Phase 3)  
(b) Ng Jerangku to Ulu Machan Road

- (166) **YB ENCIK ALI ANAK BIJU (N.39 KRIAN)**  
**Bertanya kepada Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan**  
Apakah kesan atau impak ekoran COVID-19 dari segi ekonomi industri pelancongan di Negeri Sarawak?
- (167) **YB ENCIK MAJANG ANAK RENGGI (N.70 SAMALAJU)**  
**Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan**  
Apakah perancangan Kementerian dalam menyediakan perumahan untuk memenuhi pertambahan penduduk di Taman Perindustrian Samalaju berikutan perkembangan pelbagai industri di kawasan tersebut?
- (168) **YB PUAN HAJAH SIMOI BINTI HAJI PERI (N.28 LINGGA)**  
**Bertanya kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak**  
Adakah terdapat usaha Kerajaan untuk mewujudkan Usahawan Trak Makanan di DUN Lingga?
- (169) **YB ENCIK MARTIN BEN (N.22 KEDUP)**  
**Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah**  
Nyatakan keluasan kawasan program penanaman semula kelapa sawit di Komplek Kelapa Sawit Wilayah Serian yang sudah ditanam semula dan rancangan yang akan dilaksanakan dalam tempoh masa 2 tahun?
- (170) **YB ENCIK MIRO ANAK SIMUH (N.18 SEREMBU)**  
**Bertanya kepada Ketua Menteri**  
Banyak aset-aset strategik kita terletak berdekatan dengan sempadan Kalimantan, Indonesia contohnya Empangan Bakun, Empangan Murum dan Empangan Baleh.  
(a) Adakah Kerajaan Sarawak dan Persekutuan merancang untuk menempatkan Kem Tentera berdekatan dengan kawasan-kawasan tersebut bagi menjaga hak kedaulatan kita?  
(b) Adakah Kerajaan Sarawak merancang untuk menubuh pasukan keselamatan sendiri seperti *Sarawak Rangers*?
- (171) **YB ENCIK JEFFERSON JAMIT ANAK UNYAT (N.63 BUKIT GORAM)**  
**Bertanya kepada Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak**  
Apakah perancangan pihak kementerian untuk membanteras gejala pengedaran dan penyalahgunaan dadah di Pekan Kapit?
- (172) **YB ENCIK SEE CHEE HOW (N.11 BATU LINTANG)**  
**To ask the Minister for Local Government and Housing**  
What is the progress of implementation of the flood mitigation projects under Projek Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Sarawak involving Sarawak General Hospital, Jalan Batu Lintang, Federal Quarters, Sg Tabuan, Sg Gersik, Sg Sinjan, Taman Malihah, SK Muara Tuang and Taman Uni Garden .

**(173) YB ENCIK ROLLAND DUAT ANAK JUBIN (N.48 MELUAN)**

**Bertanya kepada Menteri Utiliti**

Terdapat 13 rumah Panjang sepanjang Jalan Lasi yang masih belum menerima bekalan air bersih. Adakah Kerajaan merancang untuk membuat penyambungan air bersih ke kawasan tersebut?

**(174) YB DATO' SRI HUANG TIONG SII (N.45 REPOK)**

**Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah**

Apakah usaha Kerajaan Sarawak dari segi pembinaan jalan kebun/ladang milik pekebun-pekebun kecil untuk tujuan mengangkut input pertanian dan mengeluarkan hasil tanaman?

**(175) YB ENCIK MOHAMAD CHEE BIN KADIR (N.40 KABONG)**

**Bertanya kepada Menteri Utiliti**

Permohonan untuk bekalan elektrik ke rumah oleh penduduk-penduduk dalam DUN Kabong masih banyak belum mendapat perhatian/tindakan. Bilakah peruntukan dapat diperolehi untuk tujuan tersebut untuk kawasan DUN Kabong?

**(176) YB ENCIK AWLA BIN DRIS (N.25 SIMUNJAN)**

**Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan**

Bilakah kelulusan projek penyediaan tapak pelupusan sampah yang baru untuk daerah Simunjan dapat dirangka dan dilaksanakan? Untuk makluman, tapak pelupusan sampah" yang sedia ada tidak kondusif dan tidak mampu untuk menampung kapasiti sampah yang datang dari seluruh daerah Simunjan seperti Gedong dan Sebuyau.

**(177) YB DATO' MURSHID DIRAJA DR JUANDA BIN JAYA (N.44 JEMORENG)**

**Bertanya kepada Ketua Menteri**

- (a) Berapakah nisbah pekerja tempatan berbanding pekerja asing dan bukan Sarawak di ladang-ladang sawit di kawasan DUN Jemoreng dan apakah kategori pekerjaan mereka?
- (b) Apakah kesan kepada ekonomi, keselamatan dan sosial di kawasan setempat oleh hal ini?

**(178) YB IR AIDEL BIN LARIWOO (N.24 SADONG JAYA)**

**Bertanya kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak**

Bagaimanakah pihak Kerajaan membantu para usahawan terutamanya usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) dalam meningkatkan produktiviti bagi menjana ekonomi setempat selepas dilanda wabak COVID-19?

**(179) YB ENCIK JOHNICHAL RAYONG ANAK NGIPA (N.33 ENGKILILI)**

**Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan**

Bilakah jalan yang bermula dari Stuga hingga ke Pak dan Sri Aman yang meliputi keseluruhan kawasan Batang Air Hilir Engkilili akan dibina?

- (180) YB ENCIK GERALD RENTAP JABU (N.36 LAYAR)**  
**Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah**  
 Apakah status keselamatan makanan Sarawak, keupayaan untuk menghadapi krisis makanan global dan langkah-langkah untuk meningkatkan penggunaan tanah untuk makanan selepas pengalaman krisis pandemik COVID-19?
- (181) YB DATUK MONG ANAK DAGANG (N.31 BUKIT BEGUNAN)**  
**To ask the Minister for Local Government and Housing**  
 Bakong area which comprise of 4 longhouses and one Kampung Bakong Melayu, Sunga (3 longhouses), Kampung Antik and Stirau Ai all located near to Batang Lupar River are facing flood problems during high/king tide. What is the Government's plan to alleviate this problem?
- (182) YB ENCIK RIPIN BIN LAMAT (N.72 LAMBIR)**  
**Bertanya kepada Ketua Menteri**  
 Apakah perkembangan terkini rancangan Kerajaan untuk memajukan industri minyak dan gas kawasan utara (Miri, Limbang dan Lawas)?
- (183) YB DATUK TIONG THAI KING (N.52 DUDONG)**  
**To ask the Minister for Education, Science and Technological Research**  
 What is the status of upgrading and rebuilding dilapidated schools in Sarawak?
- (184) YB TUAN HAJI RAZAILI BIN HAJI GAPOR (N.29 BETING MARO)**  
**Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah**  
 Apakah status Projek Tambatan Hakisan Masjid dan Tanah Perkuburan Kampung Semarang?
- (185) YB PUAN IRENE MARY CHANG OI LING (N.51 BUKIT ASSEK)**  
**To ask the Minister for International Trade & Industry, Industrial Terminal & Entrepreneur Development Sarawak**  
 State by division, number of Small Medium Enterprise (SME) which have applied (approved and rejected) for BKSS 2.0 SME Special Relief Fund and why assistance have not been given to tenants of private premises who cannot cover their rentals?
- (186) YB IR CHRISTOPHER GIRA ANAK SAMBANG (N.59 TAMIN)**  
**Bertanya kepada Menteri Utiliti**  
 (a) Apakah status projek SARES di Ulu Mukah?  
 (b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri berkenaan dengan projek BELB di Jalan Kua Ulu Mukah yang lama terbengkalai?
- (187) YB ENCIK DAVID WONG KEE WOAN (N.54 PELAWAN)**  
**To ask the Chief Minister**  
 Apart from BKSS, would the Government consider requesting the federal government for an extension of the loan moratorium for another 6 months after the first moratorium had expired on the 30/9/2020?

**(188) YB DATUK DING KUONG HIING (N.46 MERADONG)**

**To ask the Minister for Utilities**

What is the latest status on the progress of Stressed Area Package CR1 for Meradong District especially portion of works affected by Pan Borneo Highway construction?

**(189) YB ENCIK WILSON NYABONG ANAK IJANG (N.61 PELAGUS)**

**Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi**

- (a) Bilakah Kementerian Pendidikan bercadang hendak mendirikan Sekolah Menengah Kerajaan Melekun di tapak yang sudah diluluskan oleh Kerajaan Negeri di Bahagian Kapit dalam DUN Pelagus?
- (b) Berapa banyakkannya sekolah yang sudah dibaikpulih setakat bulan ini di Daerah Kapit dan di Daerah Bukit Mabong Bahagian Kapit Sarawak?

**(190) YB DR HAJI HAZLAND BIN ABANG HIPNI (N.5 DEMAK LAUT)**

**Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan**

Apakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina pelabuhan baharu di Kawasan Pulau Lakir, Tg. Po atau mana-mana laluan perairan yang sesuai di antara Tg. Datu dan Batang Lupar?

**(191) YB ENCIK ALLAN SIDEN GRAMONG (N.50 MACHAN)**

**To ask the Minister for Local Government and Housing**

Is there any remedy to improve the drainage system at Taman Muhibbah which are prone to flash floods?

**(192) YB ENCIK ABDUL YAKUB BIN HAJI ARBI (N.58 BALINGIAN)**

**Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi**

Adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk memindah/membina Sekolah Rendah Kebangsaan Kampung Jebungan, Mukah ke tapak baharu memandangkan tapak yang sedia ada terdedah kepada masalah hakisan tebingan sungai?

**(193) YB PUAN HAJAH SIMOI BINTI HAJI PERI (N.28 LINGGA)**

**Bertanya kepada Menteri Pemodelan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah**

Apakah status terkini berkenaan dengan cadangan Kerajaan untuk mewujudkan *Food Basket* di kawasan DUN Lingga?

**(194) YB ENCIK SAFIEE BIN HAJI AHMAD (N.43 DARO)**

**Bertanya kepada Ketua Menteri**

Apakah status permohonan pembinaan bangunan baharu Ibu pejabat Polis Matu dan Daro?

**(195) YB ENCIK MARTIN BEN (N.22 KEDUP)**

**Bertanya kepada Menteri Pemodelan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah**

Adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan cawangan Institut Pertanian di Bahagian Serian?

- (196) **YB ENCIK SEE CHEE HOW (N.11 BATU LINTANG)**  
**To ask the Minister for Finance and Economic Planning**  
What is the total placement of deposits received by DBOS by the end of October 2020 and what is the total sum of credit facilities that has been approved and given out?
- (197) **YB ENCIK PAULUS PALU GUMBANG (N.80 BATU DANAU)**  
**Bertanya kepada Menteri Utiliti**  
Apakah status terkini kerja-kerja pembinaan tangki aras tinggi di Persimpangan Jalan Lubok Tuan? Bilakah ia dijangka siap sepenuhnya?
- (198) **YB ENCIK ALI ANAK BIJU (N.39 KRIAN)**  
**Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan**  
Apakah status pembinaan Jambatan Kaki Wong, Krian?
- (199) **YB DATIN PATINGGI DATUK AMAR HAJAH JAMILAH BINTI HAJI ANU (N.3 TANJUNG DATU)**  
**Bertanya kepada Ketua Menteri**  
Adakah pihak *Sarawak Multimedia Authority (SMA)* akan menambah menara telekomunikasi dan membaik pulih perkhidmatan jalur lebar di Lundu?
- (200) **YB ENCIK MIRO ANAK SIMUH (N.18 SEREMBU)**  
**Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi**  
(a) Adakah Kerajaan mempunyai data terkini graduan menganggur di Sarawak dan apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Sarawak dalam menangani masalah pengangguran golongan siswazah di Sarawak?  
(b) Adakah terdapat skim bantuan latihan atau penempatan pekerjaan untuk golongan ini?
- (201) **YB IR AIDEL BIN LARIWOO (N.24 SADONG JAYA)**  
**Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan**  
Bagaimanakah Kerajaan memainkan peranan dalam mengawal harga perumahan yang dibangunkan secara persendirian? Apakah terdapat peraturan yang digunapakai dalam menangani isu ini?
- (202) **YB ENCIK MOHAMMAD RAZI BIN SITAM (N.35 SARIBAS)**  
**Bertanya kepada Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli**  
Apakah status permohonan Skim Pembesaran Kampung (SPK) Kampung Debak Baharu dan bila akan diluluskan? Berapakah projek SPK yang telah diluluskan di dalam DUN Saribas dan sedang dilaksanakan?
- (203) **YB DATO' MURSHID DIRAJA DR JUANDA BIN JAYA (N.44 JEMORENG)**  
**Bertanya kepada Ketua Menteri**  
Berkenaan Coastal Area Development Agency (CADA);  
(a) Bilakah ia akan ditubuhkan?  
(b) Bagaimanakah ia akan beroperasi?  
(c) Berapakah bajet diperuntukkan?  
(d) Adakah CADA bertindih dengan RECODA memandangkan telah wujud agensi pembangunan di kawasan lain seperti URDA dan sebagainya?



- (204) **YB ENCIK ALEXANDER ANAK VINCENT (N.49 NGEMAH)**  
**To ask the Minister for Modernisation of Agriculture, Native Land and Regional Development**  
 What is the current status of the construction of Agriculture Centre at Ngungun in Ngemah constituency?
- (205) **YB ENCIK GERALD RENTAP JABU (N.36 LAYAR)**  
**Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan**  
 Apakah rancangan kerajaan untuk pihak berkuasa tempatan (PBT) di bahagian Betong dalam menyediakan kaedah dan tapak pelupusan sampah yang berteknologi terkini, memandangkan cara pelupusan sampah yang digunakan sekarang masih menggunakan cara konvensional?
- (206) **YB ENCIK AWLA BIN DRIS (N.25 SIMUNJAN)**  
**Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan**  
 Apakah perancangan Kementerian untuk membina lampu jalan di sepanjang jalan Gedong – Simunjan kerana keadaan jalan tersebut terlalu gelap dan amat berbahaya kepada pengguna yang melaluinya?
- (207) **YB ENCIK ABDUL YAKUB BIN HAJI ARBI (N.58 BALINGIAN)**  
**Bertanya kepada Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli**  
 Apakah tindakan Kerajaan terhadap lot-lot tanah yang telah disukat dalam tahun 60an, 70an dan 80an di sekitar Jalan Mukah-Balingian namun sehingga kini belum dikeluarkan Surat Hak Milik?
- (208) **YB ENCIK JOHNICHAL RAYONG ANAK NGIPA (N.33 ENKGILILI)**  
**Bertanya kepada Ketua Menteri**  
 Apakah *ratio* atau senarai statistik di antara kaum-kaum di Negeri ini yang menjawat berbagai jawatan di dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri (PSC) dari peringkat bawah hingga ke peringkat paling atas?
- (209) **YB PUAN IRENE MARY CHANG OI LING (N.51 BUKIT ASSEK)**  
**To ask the Minister for Welfare, Community Wellbeing, Women, Family and Childhood Development**  
 On registration of customary and adult adoption under Section 10 of Adoption Ordinance (Cap 9). State in detail if the rules to regulate such adoptions have been made. If yes, state in details, the rules and the standard operating procedures.
- (210) **YB ENCIK MAJANG ANAK RENGGI (N.70 SAMALAJU)**  
**Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi**  
 Apakah langkah diambil oleh Kementerian dalam menangani isu kekurangan guru yang mengajar di sekolah rendah dan menengah di Sarawak?
- (211) **YB DATUK DING KUONG HIING (N.46 MERADONG)**  
**To ask the Minister for Local Government and Housing**  
 Is there any plan for the Ministry to implement the Affordable Housing Schemes in Meradong as there were none to date?

- (212) YB DATO' SRI HUANG TIONG SII (N.45 REPOK)**  
**Bertanya kepada Menteri Utiliti**  
 Apakah status pelaksanaan Projek Lampu Jalan Kampung (LJK) tahun 2019 dan peruntukan LJK 2020 dan LJK 2021 bagi kawasan Sarikei?
- (213) YB ENCIK SEE CHEE HOW (N.11 BATU LINTANG)**  
**To ask the Minister for Infrastructure and Port Development**  
 What are the list of projects including port(s) and extension, airport(s), trunk road(s), bridge(s), work packages of the Coastal Highway and Second Trunk Road, etc which are awarded or decided to be awarded through direct negotiations, since March and their project sums?
- (214) YB DATUK TIONG THAI KING (N.52 DUDONG)**  
**To ask the Chief Minister**  
 To date, telecommunication line is not available in Sg Pak. What is the plan to install telecommunication lines in Sg Pak?
- (215) YB PUAN HAJAH SIMOI BINTI HAJI PERI (N.28 LINGGA)**  
**Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan**  
 Banjir kilat sering berlaku di Kampung Hilir Baru dan Kampung Tanah Baru Sembau Simanggang. Apakah langkah yang telah diambil dan juga perancangan pihak Kerajaan dan JPS untuk mengatasi masalah banjir kilat tersebut?
- (216) YB ENCIK YUSSIBNOSH BALO (N.57 TELLIAN)**  
**Bertanya kepada Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli**  
 Apakah perancangan Kementerian terhadap cadangan projek pembangunan semula bandar dan kampung di Mukah, terutamanya di Kampung Penakub Hilir dan Kampung Datuk seperti yang telah dicadangkan oleh Pejabat Daerah Mukah?
- (217) YB ENCIK ALI ANAK BIJU (N.39 KRIAN)**  
**Bertanya kepada Menteri Belia dan Sukan**  
 Adakah terdapat perancangan untuk menaiktaraf kemudahan sukan di stadium mini Saratok?
- (218) YB ENCIK CHUKPAI UGON (N.66 MURUM)**  
**Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan**  
 Apakah status terkini bagi pelaksanaan projek menaiktaraf Bekas Jalan Balak di Kawasan DUN Murum terutamanya Cadangan menaiktaraf bekas jalan-jalan balak ke Skim Penempatan Tegulang dan Metalun Ulu Jelalong, Tubau dan balak Lusong Laku?
- (219) YB ENCIK DAVID WONG KEE WOAN (N.54 PELAWAN)**  
**To ask the Chief Minister**  
 How many percent of eligible Sarawakians have received the intended BKSS financial aids and what are the measures taken to ensure all of the recipients receive their financial aids?

**(220) YB IR AIDEL BIN LARIWOO (N.24 SADONG JAYA)**

**Bertanya kepada Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan**

Apakah ada pelan-pelan pembangunan baharu yang akan digunakan bagi membangunkan sektor pelancongan Negeri Sarawak selepas dilanda wabak COVID-19? Jika ada, bagaimanakah pihak Kerajaan melaksanakannya?

**4. Rang Undang-Undang Kerajaan — Bacaan Kali Yang Kedua**

**Supplementary Supply (2020) Bill, 2020**

**Timbalan Ketua Menteri; Menteri Kewangan Kedua; Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban**

(YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas)

**5. Usul Untuk Membawa Resolusi Anggaran Perbelanjaan Biasa Tambahan Kedua 2020 Kepada Jawatankuasa Perbekalan**

**Supplementary Supply (2020) Bill, 2020**

**Timbalan Ketua Menteri; Menteri Kewangan Kedua; Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban**

(YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas)

**6. Rang Undang-Undang Kerajaan — Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Supplementary Supply (2020) Bill, 2020**

**Timbalan Ketua Menteri; Menteri Kewangan Kedua; Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban**

(YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas)

**7. Usul Untuk Melulus Anggaran Perbelanjaan Biasa Tambahan Kedua 2020**

**Supplementary Supply (2020) Bill, 2020**

**Timbalan Ketua Menteri; Menteri Kewangan Kedua; Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban**

(YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas)

**8. Perbahasan Atas Bacaan Kali Yang Kedua Rang Undang-Undang Perbekalan (2021), 2020 dan Usul Untuk Merujuk Resolusi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2021.**

***[Perbahasan oleh Ahli-Ahli Biasa]***

**9. Penangguhan Mesyuarat**